

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	14/09/2017C

# Kemahiran politik, diplomasi Najib patut dibanggakan

BH-14/9/2017 pg. 11

Sehari dua ini media Singapura (orang Johor boleh dapat saluran Media Singapura) menyiarkan, laporan yang amat positif terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Tanpa berselindung, media Singapura juga menyatakan bahawa Najib mendahului Perdana Menteri Singapura, Lee Hsein Loong untuk bertemu dengan Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump!

Media Singapura juga menyiarkan betapa Najib diberikan layanan kelas pertama oleh Trump ketika ketibaan beliau di bumi AS.

Kawalan khas pengawal peribadi Trump yang diberikan kepada Najib jelas menunjukkan betapa meleset tanggapan Tun Dr Mahathir Mohamad serta kepemimpinan Pakatan Harapan bahawa imej Najib begitu buruk di mata dunia!

Kepada mereka yang memaha-

mi ilmu bahasa gerak badan (body language), ternyata sambutan dan layanan Trump terhadap Najib menunjukkan betapa mesra dan yakin seorang pemimpin dunia terhadap Najib.

## Kemesraan terbukti ikhlas

Perlakuan Trump amat jelas menunjukkan kemesraan di antara mereka berdua bukan dibuat-buat, malah ikhlas, penuh keyakinan dan mengharap.

Laporan media Singapura juga menyiarkan ucapan Trump mengenai peranan besar Najib dan Kerajaan Malaysia dalam mengekang dan melawan keganasan di Asia Tenggara.

Di samping itu, media AS juga memainkan peranan dalam menyiarkan dengan profesional betapa Malaysia sebuah negara yang boleh diyakini untuk pelaburan pada masa hadapan dan yang pa-

ling jelas, Malaysia bukan sebuah negara yang gagal, mahupun bangkrup seperti dicanangkan oleh Dr Mahathir, Lim Kit Siang serta pemimpin pembangkang.

Sejak merdeka hanya pada zaman Najib, Presiden AS datang ke Malaysia dua kali dan ini kali pertama dalam sejarah tanah air kita, seorang Perdana Menteri dari sebuah negara kerdil dijemput secara peribadi oleh Presiden AS.

Kepada mereka yang memahami ilmu sains politik, ini jelas menunjukkan 'stail' dan gaya kepemimpinan Najib dihormati dan diperakui negara besar dunia.

Media Singapura juga melaporkan akan kemapanan ekonomi Malaysia, maka Malaysia berniat dalam tempoh masa lima tahun dari sekarang, membeli beberapa pesawat dari Boeing! Persoalan saya apakah ini tanda-tanda bahawa Malaysia adalah se-

buah negara yang gagal dan hendak bankrap?

Jika pada zaman Dr Mahathir, ketika dunia mengalami krisis dan kelembapan ekonomi, penguncupan ekonomi Malaysia amat jelas dengan bilangan pelaburan menurun dan pasaran saham merudum ke paras di bawah 500 mata, tetapi ia amat berbeza pada zaman Najib.

Ekonomi Malaysia semakin berkembang dan pelaburan semakin mencurah. Perdagangan Malaysia sehingga Julai tahun ini sahaja mencecah RM1 trilion.

Umumnya, akan mengetahui bahawa bukan semudah itu seseorang pemimpin dunia dapat bertemu dengan Presiden AS. Kejayaan Najib dijemput oleh Trump sebagai Presiden AS adalah suatu kebanggaan kepada kerajaan dan rakyat Malaysia sebenarnya.

## Komentari



**Azman Jaafar**

Ketua Pemuda UMNO  
Bahagian Pasir Gudang, Johor